



Kita mahukan
(peniaga) Bumiputera
tulen yang mampu
bersaing dalam
persekitaran yang adil”

Johari Abdul Ghani,
Menteri Kewangan II

Kaedah bantu peniaga Bumiputera dikaji

2/11/17

Kerajaan akan mengkaji semula kaedah terbaik dalam membantu peniaga Bumiputera untuk mengembangkan perniagaan mereka dan pada masa sama mengukuhkan lagi daya saing mereka.

Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani, berkata antara kaedah yang akan dipertimbangkan adalah memberi bantuan mengikut merit.

Menerusinya, hanya peniaga Bumiputera tulen akan mendapat bantuan secukupnya bagi membolehkan mereka mengembangkan perniagaan ke peringkat

yang lebih tinggi.

Bumiputera perlu berdaya saing

Beliau berkata, dengan persekitaran yang mencabar serta dengan perjanjian perdagangan bebas generasi baharu yang dimeterai negara memerlukan Bumiputera berdaya saing dan mempunyai produktiviti yang tinggi.

“Kita mahukan (peniaga) Bumiputera tulen yang mampu bersaing dalam persekitaran yang adil. Bumiputera yang berjaya dengan cemerlang akan mendapat (bantuan) yang lebih

berdasarkan kapasiti mereka,” katanya dalam satu dalam temubual eksklusif bersama kumpulan akhbar The New Straits Times Press (M) Bhd, di Putrajaya, Rabu lalu.

Syed Mokhtar AlBukhary sebagai contoh

Johari berkata, kerajaan mahu melahirkan peniaga Bumiputera yang mapan dan pada masa sama dapat mewujudkan peluang pekerjaan yang besar kepada rakyat serta menyumbang secara positif kepada pertumbuhan ekonomi negara.

“Adalah penting untuk mempunyai Bumiputera yang berkualiti. Contohnya, dengan seorang tokoh perniagaan terkemuka negara seperti Tan Sri Syed Mokhtar AlBukhary, syarikatnya menggaji 140,000 pekerja. Kemudian, industri yang mana syarikat miliknya beroperasi pula menggaji 200,000 orang.

“Jadi, Syed Mokhtar menggaji secara langsung 140,000 pekerja, dan 200,000 secara tidak langsung serta pada masa sama beliau juga melantik 28 Ketua Pegawai Eksekutif Bumiputera. Inilah yang kita mahukan,” katanya.